



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MENTERI MAFI HADIR MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTANIAN DAN PERHUTANAN (AMAF) SECARA SIDANG VIDEO

PUTRAJAYA, 27 Oktober – YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian telah mengetuai delegasi Malaysia bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) Ke-43 dan Mesyuarat Ke-21 bagi AMAF Campur Tiga (China, Jepun dan Korea Selatan) secara sidang video, hari ini.

Mesyuarat AMAF dan Mesyuarat AMAF Campur Tiga merupakan dua mesyuarat tahunan peringkat menteri ASEAN yang diadakan untuk membincangkan perkara berbangkit dan isu-isu yang berkaitan dengan sektor pertanian dan perhutanan serantau. Bagi Mesyuarat AMAF Ke-43, negara-negara anggota ASEAN telah menerima dan mengambil kira 6 kertas makluman dan 27 kertas untuk pengesahan di peringkat menteri-menteri ASEAN.

Antara perkara penting yang dibangkitkan dalam Mesyuarat AMAF kali ini adalah:

- (i) usaha-usaha pemulihan dan daya tahan ekonomi negara-negara anggota ASEAN, pasca COVID-19 di bawah Kerangka Pemulihan Komprehensif ASEAN (ACRF) dan usaha-usaha di peringkat national yang berkaitan dengan bidang makanan, pertanian dan perhutanan;
- (ii) kemajuan pelaksanaan kerangka dasar berkaitan dengan kerjasama ASEAN dalam bidang makanan, pertanian dan perhutanan;
- (iii) pengemaskinian senarai barang keperluan ASEAN di bawah ACRF yang meliputi cadangan daripada Mesyuarat Pegawai Kanan Ekonomi (SEOM) untuk memasukkan makanan ruji seperti beras, jagung dan gula dalam senarai barang keperluan sedia ada; dan
- (iv) kerjasama, kolaborasi dan projek-projek penting bagi menyokong visi dan pelan strategik bagi kerjasama ASEAN dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan (2016-2025).

Delegasi Malaysia dan rakan-rakan sejawat ASEAN menerusi mesyuarat AMAF Campur Tiga juga telah bersetuju dan mengesahkan Laporan Pengerusi Pegawai Kanan (SOM) AMAF Campur Tiga mengenai program dan aktiviti yang dibentangkan

dalam mesyuarat tersebut. Dalam hal ini, Malaysia mengalu-alukan penglibatan dan kerjasama yang lebih erat antara ASEAN dan ketiga-tiga negara dalam usaha mempercepatkan proses pemulihan ekonomi dan pembangunan demi kemakmuran serantau.

Malaysia juga komited dalam merealisasikan rangka kerja dasar ASEAN mengenai makanan, pertanian dan perhutanan di bawah AMAF dan AMAF Campur Tiga. Selaras dengan komitmen tersebut, Malaysia telah melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) pada 25 Oktober 2021 yang akan menjadikan sektor agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan dalam tempoh 10 tahun.

Key game changer di bawah DAN 2.0 ialah melaksanakan transformasi sektor agromakanan melalui strategi pmodenan dan pertanian pintar sebagaimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan tahap sekuriti makanan negara merentasi semua subsektor agromakanan.

Keutamaan perlu diberikan dalam meningkatkan daya tahan sistem makanan (*improving resiliency of food systems*), memastikan sumber makanan yang mampan (*ensuring sustainable food resources*) serta penggunaan teknologi dan digital ekonomi yang lebih menyeluruh dalam sektor agromakanan. Keutamaan ini akan memastikan bahawa negara-negara anggota ASEAN mampu menangani sebarang ketidaktentuan di masa hadapan.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
27 OKTOBER 2021**